

Insentif baru bukti kemampan kerajaan B'N

BH 26 FEB 2000

KUALA LUMPUR, Jumaat —Beberapa penambahan insentif baru Belanjawan 2000 yang dibentangkan semula hari ini memuktikan dasar kerajaan selama ini berjaya memakmurkan negara serta pemulihan ekonomi yang ketara herikutan pelbagai langkah bagimenganingannya.

Hakikat bahawa ciri asal Belanjawan itu tidak diubah seperti dicanangkan pembangkang sebelum ini jelas membuktikan kerajaan Barisan Nasional (BN) ikhlas dan berwibawa serta prihatin terhadap nasib rakyat.

Pembangkang sebelum ini mendakwa Belanjawan 2000 sebagai umpan kerajaan memancing undi pada pilihan raya umum ke-10, November lalu.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata rakyat boleh gembira dengan kejayaan kerajaan memulihkan semula ekonomi negara dan yakin Malaysia mampu menghadapi cabaran globalisasi.

“Saya percaya rakyat Malaysia gembira kerana pertumbuhan kita naik 5.3 peratus. Ini bermakna satu pertumbuhan yang baik yang meng-

atasi peringkat pemulihan ekonomi.

“Sekarang ini ekonomi kita sedang melalui proses pengukuhan untuk membina semula ketahanan dan saya percaya dengan ini maka ekonomi kita akan dapat menghadapi cabaran globalisasi,” katanya ketika ditemui di lobi Dewan Rakyat selepas pembentangan Belanjawan 2000, petang ini.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz, berkata, hakikat bahawa Belanjawan itu tidak diubah membuktikan kerajaan berpegang kepada janji dan bukan cuba memancing undi seperti yang didakwa pembangkang.

“Mereka terbukti amat salah. Kita bukan saja tidak mungkir janji tetapi memperbaiki janji kita.

“Mesej untuk rakyat ialah kerajaan BN adalah kerajaan berwibawa, berpegang kepada janji dan melaksanakan dasar yang memberi faedah kepada semua pihak,” katanya.

Rafidah berkata, dasar kerajaan yang dikritik sebelum ini bukan saja berjaya meletakkan ekonomi negara di landasan pemulihan, malah berjaya membebaskannya da-

ripada kegawatan.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, pula menyifatkan Belanjawan itu sebagai lebih baik daripada sebelumnya dan yakin masa depan negara akan lebih memberangsangkan.

“Jika kita mempunyai sikap positif sebegini, kita akan dapat memperbaiki keadaan, organisasi tempat bekerja akan lebih baik dan begitu juga dengan masa depan negara,” katanya.

Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S Samy Vellu, turut berkongsi pandangan yang sama.

“Tahniah kepada Menteri Kewangan kerana membentangkan satu Belanjawan yang lebih sesuai untuk masa kini,” katanya.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Rais Yatim, pula menyifatkan Belanjawan kali ini sebagai satu ulangan dari sebelumnya tetapi kesan kepada negara memang jelas.

Katanya, Belanjawan kali ini memberi faedah kepada rakyat, khususnya pelajar, kakitangan awam, pesara dan petani.

Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Aziz Samsudin, pula berkata kerajaan memberi penekanan ke-

pada pendidikan dalam Belanjawan kali ini memandangkan ia amat penting untuk masa depan negara.

Katanya, pertambahan peruntukan untuk sektor pendidikan bukan bertujuan memenangi golongan pelajar tetapi untuk memperhebatkan perkembangan ilmu di Malaysia memandangkan ekonomi negara sudah pulih daripada kegawatan.

Pengerusi Kelab Penyokong Kerajaan, Datuk Dr Jamaluddin Jarjis, berkata tumpuan harus diberikan terhadap ekonomi berasaskan pengetahuan (k-ekonomi) supaya sektor swasta tidak ketinggalan dalam arus globalisasi.

Katanya, peruntukan bagi sektor pendidikan juga perlu disalurkan bagi membantu pelajar kurang berkemampuan melanjutkan pelajaran.

Ahli Parlimen Bagan Datoh, Datuk Ahmad Zahid Hamidi, turut mengalu-alukan penekanan kepada sektor pendidikan sambil meminta pelajar terutama peringkat sarjana pertama memberi perhatian kepada pelajaran.

“Pengumuman bayaran pendahuluan bagi yuran pendaftaran sebanyak antara RM1,000 dan

RM 1,500 sudah dapat menjawab tuduhan pembangkang yang mendakwa kerajaan tidak prihatin masalah ibu bapa,” katanya.

Di KOTA BHARU, Penasihat Ekonomi Kementerian Kewangan, Datuk Mustapa Mohamed, berkata Belanjawan 2000 menunjukkan keberkesanan langkah kawalan modal terpilih yang dilaksanakan kerajaan bagi menangani kegawatan ekonomi.

Katanya, langkah yang awalnya dikedam pelbagai pihak asing itu, ternyata adalah tindakan terbaik bagi membolehkan kerajaan mempertahankan kestabilan ekonomi dan aset negara daripada diambil alih oleh kuasa luar.

“Pertumbuhan ekonomi negara juga lebih tinggi berbanding anggaran tiga bulan lalu dan ini membuktikan kejayaan langkah kawalan modal terpilih yang diperkenalkan kerajaan.

“Selain itu, Belanjawan 2000 juga membuktikan keprihatinan kerajaan terhadap kebajikan rakyat dan wujudnya usaha berterusan dalam melindungi kepentingan masyarakat secara keseluruhan. Ini bermakna ia bukan sekadar untuk memancing undi,” katanya.